



POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA / BILIK *SERVER*

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

1 JANUARI 2020

POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

KANDUNGAN

Kandungan Dokumen

1. Sejarah Dokumen.....	2
2. Jadual Pindaan	3
3. Pengenalan	4
4. Pengurusan Pusat Data.....	4
5. Pematuhan Polisi.....	5

POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

SEJARAH DOKUMEN

Tarikh Semakan Semula	Versi	Kelulusan	Tarikh Kuat Kuasa
-	1.1	Mesyuarat JPICT Bil 2/2014	1 Julai 2014
17 November 2018	2.0	Mesyuarat JPICT Bil 3/2019	

POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

JADUAL PINDAAN POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

Tarikh	Versi	Butiran Pindaan
17 November 2018	1.1	<ul style="list-style-type: none">i. KESELAMATAN ICT DI PUSAT DATA/ BILIK SERVER PPTG WP: semua muka surat termasuk <i>header</i> dan <i>footer</i>, pindaan Tajuk baru: POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVERii. PENGENALAN: muka surat 4, pindaan memasukkan: <i>Format Numbering 1,2,3...</i>iii. Beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi melindungi server tersebut seperti: muka surat 4, pindaan menukar: <i>Format Numbering a,b,c..</i> kepada i,ii,iii...iv. Beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi melindungi server tersebut seperti: muka surat 4, pindaan ayat: Pusat Data mesti diaktifkan dengan Sistem Kawalan Pintu Biometrik/kunci akses pada setiap masa bagi memantau dan mengawal pengguna(<i>authorized personel</i>) yang keluar masuk Pusat Data;v. Beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi melindungi server tersebut seperti: muka surat 5, pindaan menggugurkan perenggan: h. diagram kedudukan server hendaklah disediakan dan dipamerkan di dalam PusatData/Bilik Server PPTGWP;vi. Beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi melindungi server tersebut seperti: muka surat 6, pindaan ejaan memasuki perenggan: q. Menggunakan kasut yang telah disediakan apabila memasuki Pusat Data;

POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

1. PENGENALAN

1.1. Tujuan

Mengurus dan mengendalikan Pusat Data Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) supaya berada dalam keadaan yang selamat dan operasi pusat data tidak diganggu. Semua maklumat penting PPTG WP merupakan aset yang perlu dilindungi sebaik mungkin bagi menjamin keselamatannya. Dalam menyokong pengurusan polisi pusat data terdapat langkah-langkah perlu dilaksanakan bagi menyokong aktiviti dalam pengendalian Pusat Data PPTG WP.

1.2. Skop

Polisi ini digunapakai kepada semua pengguna yang terlibat dengan Pusat Data di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP).

2. PENGURUSAN PUSAT DATA

2.1. Beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi melindungi *server* tersebut seperti:

- i. Pusat Data mesti diaktifkan dengan Sistem Kawalan Pintu Biometrik/kunci akses pada setiap masa bagi memantau dan mengawal pengguna (authorized personel) yang keluar masuk Pusat Data;
- ii. hanya pengguna/pelawat yang dibenarkan sahaja boleh memasuki bilik *server*;
- iii. setiap *server* mestilah dilabelkan bagi memudahkan setiap pentadbir menjalankan tugas masing-masing;
- iv. pastikan bilik *server* sentiasa bersih, kemas, tidak menempatkan perkakasan yang tidak diperlukan dan *server* tidak terdedah kepada habuk;
- v. pastikan pengkabelan disusun dengan kemas dan teratur serta dilabelkan dengan betul;
- vi. penghawa dingin mestilah berfungsi dengan baik di mana suhunya dalam lingkungan 22-27 darjah *celsius* dan kelembapan relatif di paras 40%-60%;
- vii. semua peralatan keselamatan, UPS, penghawa dingin, EMS, *Generator Set*, sistem pencegahan kebakaran mestilah diselenggarakan secara berkala;
- viii. semua pergerakan keluar dan masuk perkakasan di Pusat Data perlu direkodkan dan mendapat kebenaran dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan;
- ix. semua pergerakan keluar dan masuk pelawat ke Pusat Data perlu direkodkan dan mendapat kebenaran Pentadbir Pusat Data dan merekod dengan menggunakan buku log yang disediakan dan mestilah disimpan selama 5 tahun;
- x. Pelawat yang dibenarkan masuk ke Pusat Data perlu diiringi oleh Pentadbir Pusat Data atau pentadbir yang bertanggungjawab sepanjang masa sehingga tugas selesai;
- xi. Membuat semakan ke atas fasiliti di Pusat Data berdasarkan Borang Senarai Semak Fizikal Pusat Data secara berkala;
- xii. Terdapat pusat kawalan (command centre) bagi memantau keadaan *server* dan infrastruktur yang berada di dalam pusat data;
- xiii. Semua peralatan infrastruktur elektrik seperti UPS, *Flooding Extinguishing Fire* dan sebagainya di tempatkan di bilik elektrik;
- xiv. Pengguna / pelawat dilarang merakam sebarang foto atau video dikawasan ini, kecuali mendapat kelulusan bertulis ICTSO PPTG WP terlebih dahulu;

POLISI KESELAMATAN ICT PUSAT DATA/BILIK SERVER

- xv. Dilarang mengalihkan peralatan yang berada di dalam Pusat Data tanpa kebenaran Pentadbir Pusat Data;
- xvi. Menggunakan kasut yang telah disediakan apabila memasuki Pusat Data;
- xvii. Tidak dibenarkan makan atau minum semasa berada di dalam Pusat Data dan;
- xviii. Pembersihan Pusat Data perlu dibuat secara berkala dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

3. PEMATUHAN POLISI

3.1. Polisi ini terguna pakai oleh keseluruhan penggunaan Pusat Data di PPTGWP. Tiada pengecualian diberikan kepada sesiapaupun. Kakitangan PPTGWP yang tetap, sementara atau kontrak adalah terikat dengan dasar ini. Polisi ini turut perlu dibaca bersama-sama dengan arahan/pekeliling dari semasa ke semasa.

Dalam pernyataan dasar, pihak ketiga perlu menghormati segala pernyataan yang terdapat di dalam dasar sedia ada.